

Cabaran Ekonomi Semasa

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Malaysia telah sekian lama mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Diperingkat awal Malaysia merupakan pengeksport utama dunia beberapa komoditi pertanian termasuk getah dan kelapa sawit serta komoditi galian timah. Pengamalan ekonomi terbuka amat penting untuk pertumbuhan ekonomi bagi negara kecil seperti Malaysia. Jumlah penduduk yang sedikit menghadkan permintaan dalam negara. Maka permintaan antarabangsa adalah perlu untuk meningkatkan permintaan, seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi.

Namun demikian pergantungan kepada eksport komoditi mendedahkan negara kepada risiko yang tinggi, walaupun dengan status sebagai pengeksport utama dunia. Risiko utama adalah dari segi pendedahan terhadap turun-naik harga pasaran komoditi. Harga komoditi ditentukan oleh keadaan permintaan dunia. Sebagai pengeluar utama, Malaysia tidak mempunyai kelebihan untuk menentukan harga. Kesannya, pendapatan negara terjejas apabila permintaan terhadap komoditi menurun.

Disamping itu, pengeluaran komoditi memberi nilai tambah yang kecil. Ianya tidak memberi kesan pengganda yang tinggi untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Namun demikian, Malaysia tidak mempunyai banyak pilihan di awal era selepas kemerdekaan kerana keterbatasan teknologi. Kita tidak menguasai teknologi pemprosesan untuk memproses komoditi kepada bahan-bahan hiliran yang mampu memberi nilai tambah yang tinggi. Modal insan juga mempunyai kebolehan yang terhad.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Walau bagaimanapun, Malaysia telah berjaya menjadi sebagai salah sebuah negara perdagangan penting dunia semenjak kira-kira dua dekad yang lepas dengan bantuan pelaburan asing terus. Kebergantungan kepada komoditi dikurangkan dengan penumpuan kepada sektor pembuatan. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) bermula di akhir dekad 1980an.

Walaupun Malaysia telah muncul sebagai kuasa penting di arena perdagangan antarabangsa dengan menembusi pasaran-pasaran besar dunia, namun kita perlu memberi perhatian kepada beberapa fakta penting. Kebergantungan kepada pelaburan asing terus adalah untuk membuka ruang kepada pemindahan teknologi, terutama pembentukan modal insan. Tanpa pemindahan teknologi, nilai tambah terhadap pendapatan negara akan kekal kecil. Kemasukan pelabur asing di peringkat awal adalah rata-rata tertumpu kepada pelaburan berteknologi rendah untuk meraih kelebihan dari segi harga buruh yang rendah. Kita perlu berhenti sejenak untuk membuat pemeriksaan realiti terhadap status pemindahan teknologi dan pembinaan modal insan.

Kejayaan polisi galakan pelaburan asing terus dapat dinilai melalui beberapa pencapaian. Di peringkat awal, secara langsung, adalah melalui peningkatan pendapatan negara melalui eksport serta penyediaan peluang pekerjaan. Namun untuk jangka masa yang lebih panjang, pertumbuhan industri hiliran menjadi ukuran penting. Industri hiliran inilah yang sepatutnya meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat. Manakala pelaburan asing terus yang semakin berintensifkan modal perlu ditingkatkan yang mampu menyerap tenaga mahir tempatan yang telah di bina.

Satu isyarat amaran perlu diberi perhatian. Penggunaan tenaga kerja asing tidak menunjukkan isyarat yang jelas kearah penurunan. Malahan penggunaannya juga tidak tertumpu kepada yang berkemahiran rendah, tetapi juga menular kearah yang berkemahiran yang lebih tinggi. Situasi ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya sebelum perjalanan Malaysia kearah negara maju tergut.

Pergantungan terhadap tenaga kerja asing yang berkemahiran rendah dan separa mahir terutama di dalam sektor pembuatan adalah kurang sihat. Ianya tidak menyokong terhadap perpindahan kepada aktiviti ekonomi yang memberi nilai tambah

yang lebih tinggi. Kesan ini juga boleh dikaitkan dengan satu fenomena yang disebut sebagai perangkap pendapatan sederhana (*middle income trap*). Maka cabaran utama yang dihadapi oleh Malaysia adalah untuk melonjak keluar dari perangkap pendapatan sederhana kestatus negara berpendapatan tinggi.

Apa yang perlu dilakukan adalah kembali kelandasan asal melalui inisiatif pelaburan asing terus, yakni pemindahan teknologi beserta dengan pelaburan di dalam modal insan. Kunci penting untuk pencapaian ini adalah melalui pengembelian modal insan. Sehingga kini, Malaysia telah agak berjaya membina modal insan yang agak setanding dengan negara-negara maju. Apa yang perlu adalah suatu inisiatif dasar yang mampu mengembelian tenaga mahir ini. Dengan pengembelian tenaga mahir ini juga, teknologi mampu di tingkatkan.

Perlu juga diingat bahawa kebanyakan negara-negara lain di dunia telah juga mengamalkan ekonomi terbuka. Malahan, ASEAN sebagai satu komuniti ekonomi telah komited sebagai sebuah Wilayah Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA). Perkembangan ini bermakna negara-negara lain juga akan bersaing untuk mendapatkan pasaran dunia. Untuk bersaing, maka Malaysia perlu meningkatkan kecekapan pengeluaran disamping mengeluarkan produk yang berkualiti. Dengan adanya faktor ini, maka makin lama kita melambatkan proses transformasi kearah peningkatan teknologi melalui pegembelian modal insan, semakin lambat dan sukar untuk melonjak keluar dari perangkap pendapatan sederhana. Pergantungan kepada tenaga kerja asing perlu dihadkan kepada yang berkemahiran tinggi sahaja.